



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Laporan JPES pemantauan harga barangan makanan asasi di pasaran

Tarikh: 25 Januari 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengutip harga runcit bagi beberapa barangan makanan asasi daripada lebih kurang 100 kedai di semua daerah dan seterusnya menyiarkan senarai harga runcit berkenaan melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak, media sosial dan laman sesawang rasmi. Barangan berkenaan adalah ayam bulat, sayap ayam, telur ayam (gred B), daging lembu, daging kambing dan beberapa produk pertanian termasuk bawang bombay, bawang merah, bawang putih, bawang besar, halia dan cili. Bagi menggalakkan ketelusan harga, senarai harga runcit berkenaan disiarkan dan dikemaskini 3 kali seminggu sejak hujung bulan Disember 2020 dan sekali seminggu bermula 18 Januari 2021.

2. Harga runcit bagi barangan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Barangan	Harga Pasaran \$ / kg	Harga Pasaran \$ / kg
		29 Dis 2020	18 Jan 2021
1	Ayam bulat	4.30 – 5.50	4.30 – 5.80
2	Sayap ayam	6.90 – 9.50	7.40 – 9.50
3	Telur ayam gred B (tray 30)	4.60 – 5.70	4.70 – 6.00
4	Daging: <i>Knuckle</i>	14.50 – 29.50	12.50 – 29.50
5	Kambing: <i>Shoulder</i>	26.00 – 32.99	25.80 – 32.99
6	Bawang bombay	1.80 – 2.50	1.50 – 3.90
7	Bawang merah	4.70 – 7.90	3.90 - 7.90
8	Bawang putih	1.50 – 5.80	1.80 – 6.00
9	Bawang besar	1.20 – 2.99	1.20 – 3.60
10	Halia	2.40 – 5.90	2.70 – 6.00
11	Cili	5.00 – 19.00	11.50 – 22.00

3. Selain daripada pengutipan harga runcit, JPES juga mengumpul maklumat mengenai kos dan harga runcit barangan makanan berkenaan bagi mengenalpasti sekiranya terdapat premis-premis perniagaan yang mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Ayam

4. Laporan maklumat harga menunjukkan kenaikan harga ayam di pasaran pada beberapa bulan kebelakangan yang mana antara lainnya adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan ayam (*chicken feed*) dan kekurangan bekalan ayam yang ketara dan berlarutan bermula bulan November dan Disember, 2020, bagi memenuhi permintaan domestik yang meningkat. Antara sebab-sebab kenaikan permintaan domestik adalah termasuk (i) bahan ayam dijadikan sebagai produk alternatif kepada daging; dan (ii) produk bahan ayam digunakan sebagai bahan mentah bagi menghasilkan makanan proses buatan tempatan seperti sosej dan *nuggets*. Kekurangan bekalan ayam adalah diperkukuhkan dengan maklumat terkini yang mana setakat ini hanya kurang daripada 30 premis perniagaan didapati menjual ayam dengan bekalan yang terhad. Maklum balas mengenai kekurangan bekalan ayam juga dilaporkan oleh pengguna.
5. Walau bagaimanapun, kadar keuntungan bagi penjualan ayam mentah di kebanyakan pasaraya-pasaraya utama adalah masih di tahap munasabah, kecuali di beberapa premis perniagaan lain seperti peruncit dan *resellers* didapati menjual pada harga yang lebih tinggi daripada purata.

Produk pertanian

6. Bagi produk pertanian seperti bawang, halia dan cili, kenaikan harga turut dilaporkan di dalam tempoh 4 bulan kebelakangan, didorong oleh isu penuaian di negara-negara pengeluar seperti keadaan cuaca yang tidak menentu. Ini adalah lebih ketara pada beberapa minggu kebelakangan dimana hujan dan banjir teruk turut dilaporkan di negara-negara jiran. Selain daripada itu juga, kos logistik yang semakin meningkat di peringkat serantau dan global akibat sekatan perjalanan turut menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan harga produk-produk berkenaan.

Minyak masak

7. Bagi minyak masak, terdapat hampir 70 jenama minyak masak dibekalkan di pasaran, yang mana separuh daripadanya adalah dari kategori minyak masak kelapa sawit. Dalam pada itu, beberapa jenama popular minyak masak kelapa sawit mengalami kenaikan harga yang ketara disebabkan oleh peningkatan harga import dari negara pembekal. Purata kadar kenaikan tersebut adalah di antara 14% - 28%, dengan jurang harga dari \$7.40 - \$11.15 pada Ogos 2020 kepada \$8.45 - \$14.30 pada Januari 2021. Manakala minyak masak premium seperti *sunflower oil* hanya mengalami sedikit peningkatan harga pada kadar

di antara 2% - 23% iaitu dari \$4.50 - \$8.00 kepada \$4.60 - \$8.00. Harga maksimum bagi minyak masak adalah ditetapkan oleh JPES di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142.

8. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, pengimport telah membawa masuk beberapa jenama minyak masak kelapa sawit yang baru sebagai alternatif dengan harga yang lebih kompetitif berbanding dengan jenama popular yang sedia ada. Dengan adanya alternatif ini, pengguna boleh membuat pilihan mengikut kesesuaian masing-masing.

Perbandingan Harga Beberapa Minyak Masak di Pasaran:

	Minyak masak Kelapa Sawit Popular		Harga Maksimum Ditetapkan JPES	
	Brand	Item description	Ogos 2020	Januari 2021
1	Labour	Refined Cooking Oil 5Kg	\$11.15	\$14.30
2	Lazaria	Minyak Masak Olein Kelapa Sawit Bertapis 5L	\$7.40	\$8.45
3	Sunco	Vegetable Cooking Oil 5L	\$9.95	\$11.75
4.1	Tradekey	2 x Fractionation Pure Vegetable Cooking Oil 5L	\$7.80	\$7.80
4.2		Pure Vegetable Cooking Oil 5L	\$7.25	\$8.30
5	Tropical	Cooking Oil 2x Fractionation 5000ML	\$7.55	\$9.00

	Minyak masak premium popular		Harga Maksimum Ditetapkan JPES	
	Brand	Item description	Ogos 2020	Januari 2021
1	Afiat	100% Premium Sunflower Oil 2L	\$8.00	\$8.00
2	Coral	Pure corn 2L	\$6.85	\$6.85
3	Duke	Canola oil 2L	\$5.65	\$6.05
4	Lazaria	Sunflower Oil 2L	\$4.00	\$4.90
5	Orkide	100% Sunflower Oil 1.8L	\$4.50	\$4.60
6	Prince	Soya Bean Oil (Pure) 2L	\$5.75	\$5.75
7	Orkide	100% Sunflower Oil 1.8L	\$4.50	\$4.60

9. Secara amnya, kenaikan harga barangan makanan asasi berkenaan adalah berpunca daripada isu bekalan yang mempunyai implikasi ke atas harga. Lebih kurang 75% peratus bekalan barangan makanan negara adalah diimport. Oleh itu, harga bagi barangan makanan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kadar inflasi dari negara luar, yang mana pada masa ini semakin meningkat. Bekalan yang terhad dari negara-negara pembekal akibat situasi pandemik COVID-19 yang dialami di seluruh dunia juga memberi impak yang negatif kepada harga-harga barangan yang diimport ke Negara ini. Kos pengangkutan laut dan darat juga meningkat disebabkan oleh sekatan perjalanan berikutan pandemik COVID-19, yang mana telah menjejaskan kemasukan import dan bekalan di pasaran Negara Brunei Darussalam.
10. Dalam usaha pihak JPES memantau harga dan penetapan harga maksimum kepada beberapa barangan seperti minyak masak dan susu tepung anak damit, kenaikan harga barangan tersebut tidak dapat dibendung sepenuhnya disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar kawalan seperti yang disebutkan di atas.
11. JPES menyarankan syarikat-syarikat pengimport untuk mengimport barangan makanan asasi daripada sumber alternatif bagi mengekalkan keupayaan dan aksesibiliti orang awam dalam mendapat barangan berkenaan.
12. Premis-premis perniagaan juga dinasihatkan untuk tidak mengambil kesempatan situasi ini dalam meningkatkan kadar keuntungan dan melaksanakan strategi catuan yang berkesan bagi mengelakkan daripada pembelian barangan makanan dengan jumlah yang melebihi keperluan sebenar (*hoarding*) dan memastikan akses barangan makanan asasi kepada pengguna.
13. Di samping itu, orang ramai termasuk pemilik restoran dinasihatkan untuk tidak membuat pembelian panik (*panic buying*) ataupun penyimpanan stok yang berlebihan (*stockpiling*) dan hanya membeli pada kadar yang berpatutan, serta seterusnya dapat mengamalkan sikap bertimbang rasa dengan pengguna lain dalam sebarang pembelian. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak dapat dipastikan kesahihannya di media sosial, yang mana dapat menyebabkan masyarakat awam bimbang atau risau. Perbuatan menyebarkan maklumat palsu adalah menjadi kesalahan dan dilaporkan di bawah Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34.
14. Orang ramai juga disarankan untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan dengan memberikan maklumat tambahan kepada JPES mengenai sebarang amalan perniagaan yang disyaki melanggar perundangan-perundangan di bawah tanggungjawab JPES melalui Hotline Pengguna di Talian Darussalam 123.

15. Sebagai langkah jangka masa panjang, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama pihak Kementerian serta agensi-agensi lain sedang berusaha bagi memperkukuhkan bekalan barangan makanan domestik negara.